

Industri kenaf berpotensi jadi sumber ekonomi baharu

➔ LKTN sasar jana RM1 juta hasil jualan produk menerusi pelancaran aplikasi laman sesawang

Oleh **Badrul Kamal Zakaria**
badrukkamal@nstp.com.my

• Muar

Industri kenaf mampu menjadi sumber ekonomi baharu negara terutama menerusi potensi dan daya saing dalam industri berasaskan biokomposit, perabot, pembinaan serta automotif.

Susulan itu, Kementerian Industri Utama menerusi Lembaga Kenaf dan Tembaku Negara (LKTN) akan melakukan pelbagai usaha bagi menggalak dan memperkukuh bagi industri kenaf.

Menyerinya, Teresa Kok, berkata potensi dalam industri berasaskan biokomposit, perabot, pembinaan dan automotif dapat dilihat me-

nerusi perkembangan positif terhadap permintaan kenaf sama ada di pasaran tempatan atau luar negara.

"Kerajaan juga sudah menyediakan pelbagai inisiatif membangunkan industri kenaf di Malaysia dan berharap semua pihak mengembleng tenaga membangunkan serta memperkukuhkan industri ini supaya dapat memaksimumkan perijanaan pendapatan melalui peluang ekonomi baharu ini.

Perkenal hasil inovasi

"Program promosi kenaf ini diharapkan dapat memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai industri berkenaan dan pada masa sama, memperkenalkan hasil inovasi dalam industri sama.

"Kita juga berharap program ini

dapat memberi peluang individu atau syarikat turut menyertai sektor ekonomi terbabit," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Promosi Kenaf, di Wetex Parade di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Maharani, Nor Hayati Bachok; Ketua Pengarah LKTN, Samsuddin Noor dan Pegawai Daerah Muar, Mohd Halfiz Ahmad.

Pada majlis itu, beliau turut melancarkan laman sesawang terbaru LKTN iaitu kenafmall yang juga berfungsi sebagai aplikasi produk berasaskan kenaf secara dalam talian bagi memudahkan urusan niaga serta pemasaran sektor ekonomi itu.

Kok berkata, laman sesawang itu menawarkan lima segmen produk



Kok melawat tapak pameran selepas Majlis Perasmian Promosi Kenaf, di Muar, semalam.

Fakta nombor

RM3.5 BILION

sasaran jualan produk berasaskan kenaf bagi pasaran global menjelang 2025

dan perkhidmatan iaitu barangan peribadi serta rumah, perkhidmatan dan pekerjaan, kedai haiwan peliharaan, kraf tangan serta bahan mentah kenaf.

Perluas jaringan pasaran

"Kita jangka RM1 juta mampu dijana daripada hasil jualan produk berasaskan kenaf bagi pasaran domestik dan antarabangsa pada tahun depan menerusi aplikasi laman sesawang berkenaan.

"Selain itu, kementerian juga berharap inisiatif ini dapat membantu LKTN memperluaskan lagi jaringan pasaran dan penggunaan kenaf sejajar sasaran ditetapkan iaitu RM350 juta bagi pasaran tempatan dan RM3.5 bilion bagi pasaran global menjelang 2025," katanya.